

PERANAN GURU DALAM MEMUPUK MINAT MURID TERHADAP SUBJEK PERTANIAN DI SEKOLAH MENENGAH: SATU KAJIAN KES

[THE ROLE OF TEACHERS IN CULTIVATING STUDENTS' INTEREST IN AGRICULTURAL SUBJECTS IN SECONDARY SCHOOLS: A CASE STUDY]

NORAINA SAFURA WAHIB¹, ABU BAKAR MAMAT¹, MOHD AMIRUL HUSSAIN^{1*}, MOHD NAZRI
ABDUL RAJI¹, MOHD YUSOF KAMARUZAMAN¹, ZALIZA HANAPI¹ & AZIZUL QAYYUM BASRI¹

¹ Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim,
Perak, Malaysia, MALAYSIA.

e-Mail: E-mail: ainasafura303000@gmail.com; abubakar.m@ftv.upsi.edu.my;
amirul.hussain@ftv.upsi.edu.my; mohd.nazri@ftv.upsi.edu.my; yusof.kamar@ftv.upsi.edu.my
; zaiza.hanapi@ftv.upsi.edu.my; qayyumb@ftv.upsi.edu.my

Corresponding author: amirul.hussain@ftv.upsi.edu.my

Received: 28 April 2025 | Accepted: 28 May 2025 | Published: 23 June 2025

Abstrak: Pengajaran guru boleh mempengaruhi minat murid dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh itu, guru memainkan peranan penting untuk menerapkan minat murid terhadap sesuatu subjek. Namun begitu, sejak beberapa tahun kebelakangan ini jumlah murid mengambil subjek Pertanian semakin berkurang. Hal ini kerana, murid mula kurang berminat dengan subjek Pertanian. Kajian ini dijalankan adalah untuk i) Menerokai faktor yang mempengaruhi minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah. ii) Menerokai peranan guru yang berkesan dalam memupuk minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif di mana dilaksanakan dengan menggunakan kaedah temubual dengan 3 orang guru Pertanian di sekolah menengah dan 3 orang pensyarah pendidikan bidang Pertanian di universiti untuk menjawab persoalan kajian pengkaji. Dapatan kajian mendapati faktor dalaman dan luaran murid mempengaruhi minat mereka terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah. Kajian ini juga mendapati peranan guru sangat berkesan dalam memupuk minat murid terhadap subjek Pertanian di mana guru perlu mewujudkan pendekatan yang baik dengan murid, menguasai kompetensi dan profesionalisme guru, mempunyai roh keguruan, memiliki nilai dan etika seorang guru, mahir menggunakan kaedah PdP abad ke-21 di dalam kelas dan juga memberikan pendedahan kepada murid mengenai sektor pertanian komersial sebenar. Oleh itu, kesimpulan daripada kajian ini mendapati minat pelajar terhadap pertanian boleh dibentuk/dipupuk melalui faktor dalaman dan luaran pelajar di mana peranan guru boleh mempengaruhi minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah.

Kata kunci: Peranan, Guru, Memupuk, Minat, Murid.

Abstract: Teacher instruction significantly influences students' interest in a subject. Thus, teachers play a crucial role in fostering students' interest in specific subjects. However, in recent years, the number of students enrolling in Agricultural Science has declined due to diminishing interest in the subject. This study aims to: i) Explore the factors influencing students' interest in Agricultural Science in secondary schools. ii) Examine the effective role of teachers in cultivating students' interest in Agricultural Science in secondary schools. A qualitative research design was employed, utilizing interviews with three secondary school Agricultural Science teachers and three university lecturers

specializing in Agricultural Education to address the research questions. Findings revealed that both internal and external factors influence students' interest in Agricultural Science. The study also highlighted the significant role of teachers in fostering students' interest by establishing positive relationships with students, demonstrating teacher competence and professionalism, embodying the spirit of teaching, upholding teacher values and ethics, effectively employing 21st-century teaching and learning (T&L) methods, and providing students with exposure to the realities of the commercial agricultural sector. Consequently, the study concludes that students' interest in Agricultural Science can be nurtured through internal and external factors, where the teacher's role significantly impacts students' engagement with the subject in secondary schools.

Keywords: Effective, Teacher, Cultivating, Student, Interest.

Cite This Article: Noraina Safura Wahib, Abu Bakar Mamat, Mohd Amirul Hussain, Mohd Nazri Abdul Raji, Mohd Yusof Kamaruzaman, Zaliza Hanapi & Azizul Qayyum Basri. 2025. Peranan Guru dalam Memupuk Minat Murid Terhadap Subjek Pertanian di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes [The Role of Teachers in Cultivating Students' Interest in Agricultural Subjects in Secondary Schools: A Case Study]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 5(3), 1-19.

PENGENALAN

Penglibatan lebih ramai golongan muda dalam bidang pertanian seharusnya digerakkan dengan mula memberi pendedahan tentang kepentingan dan menariknya bidang pertanian di sekolah. Namun, pada hakikatnya penurunan bilangan pelajar mengambil mata pelajaran pertanian di sekolah semakin meningkat dari semasa ke semasa kerana mereka kurang berminat dengan bidang pertanian dan masih berfikir bahawa bidang pertanian tiada masa depan (Wafi et al., 2023). Justeru itu, para guru di sekolah perlulah bijak memainkan peranan untuk menarik minat murid untuk mengambil mata pelajaran pertanian melalui penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan peredaran zaman. Seiring dengan perubahan zaman yang semakin maju, bidang pendidikan masa kini mengalami transformasi dari segi pengajaran dan pembelajaran yang lebih kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam membangunkan modal insan berteraskan kemahiran abad ke-21 (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Inisiatif pembelajaran abad ke-21 telah dilancarkan secara rintis pada tahun 2014 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pelaksanaannya diluaskan ke seluruh negara mulai tahun 2015 (Nurzarina dan Roslinda, 2015; Hussain, et al., 2024). Menurut Chong (2012), sistem pendidikan di Malaysia mengalami perubahan kerana perlunya kepada pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

Daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kekurangan minat dan enrolmen pelajar dalam pertanian adalah disebabkan oleh sifat dalaman murid itu sendiri yang mempunyai persepsi negatif terhadap bidang pertanian. Perasaan tidak berminat terhadap kerjaya profesional dalam bidang pertanian ini juga dikaitkan dengan kurangnya kesedaran pelajar tentang skop, peluang, dan kepelbagaian perusahaan ekonomi dalam bidang pertanian, malahan kekurangan insentif dari kerajaan dan kesukaran yang dihadapi oleh golongan muda yang berminat untuk meneruskan kerjaya pertanian seperti risiko yang berkaitan dengan pertanian telah mengurangkan minat mereka terhadap bidang pertanian (Razzaq et al., 2009). Bukan itu sahaja, menurut Razzaq et al., (2009) dan Hussain, et al., (2022) juga, pelajar di

peringkat menengah tidak didedahkan dengan kepelbagaian bidang pertanian disebabkan oleh kurangnya pendedahan tentang bidang pertanian yang dijalankan di peringkat sekolah menengah, di mana antara faktor yang dikenal pasti ialah peranan guru itu sendiri (Kopsen, 2014).

Mengikut dasar pendidikan negara, kecekapan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pada abad ke-21 bergantung peranan, kebolehan dan persediaan guru. Guru mempunyai peranan penting dalam mencipta corak dan kaedah pengajaran yang membuka minat murid terhadap sesuatu mata pelajaran di sekolah. Penglibatan guru dalam menarik minat murid adalah penting kerana murid yang bermotivasi lebih terbuka untuk belajar, teruja dengannya, dan membina sikap yang lebih baik terhadap sesuatu mata pelajaran yang diambil. Ini jelas menunjukkan bahawa guru yang berkesan adalah seseorang yang berusaha untuk memberi inspirasi kepada murid dan melibatkan diri secara peribadi dalam pendidikan mereka. Motivasi merupakan elemen yang paling penting dalam pembelajaran. Dengan itu, seorang guru mesti bersedia untuk menangani anjakan ketara daripada pengajaran tradisional kepada pengajaran yang tertumpu kepada tuntutan abad ke-21 yang lebih menarik minat pelajar dalam menyukai sesuatu mata pelajaran. Tahim Bael (2021) menegaskan bahawa guru mestilah komited untuk melaksanakan dan merealisasikan aspirasi abad ke-21 dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah bagi melahirkan murid yang mampu menjadi teladan masa depan.

TINJAUAN LITERATUR

Sorotan literatur ini membincangkan tentang teori- teori dan model yang digunakan oleh pengkaji di sepanjang untuk mengkaji peranan guru dalam menerapkan minat pelajar dalam subjek Pertanian. Selain itu, dalam bahagian ini juga membincangkan tentang hasil kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang akan dikaji ini. Secara keseluruhan bahagian ini akan menerangkan mengenai teori untuk menarik minat murid, model bersepadu penerapan kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran serta model standard guru Malaysia berdasarkan dapatan dari kajian-kajian lepas.

Subjek Pertanian

Subjek Pertanian adalah antara mata pelajaran yang termasuk dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Dalam KBSM subjek Sains Pertanian diletakkan bersama kumpulan elektif dalam kumpulan Teknikal dan Vokasional. Objektif mata pelajaran Sains Pertanian dalam KBSM menekankan kepada perkembangan kemahiran saintifik, praktikal dan berfikir dalam bidang pertanian di kalangan pelajar.

Minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran

Minat ialah kecenderungan atau kesukaan terhadap sesuatu, memberikan perhatian, keinginan, dan lebih kepada apa sahaja tanpa didorong. Kecenderungan berterusan untuk memberi tumpuan dan mengingati peristiwa tertentu. Satu elemen psikologi yang boleh

membantu orang ramai dalam mencapai matlamat mereka ialah minat. Seseorang yang meminati sesuatu lebih cenderung untuk memberi perhatian atau berasa positif tentang perkara itu. Motivasi dan minat adalah konsep yang serupa. Hal ini dibuktikan oleh Alhaadi dan Norimah (2019) yang menyatakan bahawa motivasi merujuk kepada kecenderungan diri seseorang untuk meminati sesuatu perkara dan suka dengan perkara tersebut. Bukan itu sahaja, Hussain, et al., (2022) juga mengatakan bahawa motivasi merupakan satu penggerak kepada kemahuan dan keinginan seseorang untuk berjaya dalam mencapai sesuatu matlamat. Motivasi juga dikatakan sebagai untuk merancang kejayaan bagi seseorang atau merancang diri mereka untuk mengelakkan diri daripada kegagalan. Aspek penting dalam motivasi pelajar ialah murid dapat melakukan sesuatu atau memilih aliran pelajaran secara sukarela atas dasar kecenderungan dan mengikut kehendak sendiri untuk mencapai matlamatnya. Dalam hal ini, murid sanggup melibatkan diri secara intensif dalam aktiviti atau perkara berkaitan ke arah matlamat yang diingini dan mampu bertahan untuk satu jangka masa yang panjang dalam melakukan perkara yang mereka minat kerana mereka yakin pasti ada matlamat yang jelas.

Secara amnya, minat terbahagi kepada dua jenis iaitu minat bersandar kepada individu dan minat bersandar kepada situasi. Minat bersandar kepada individu adalah bersifat dalaman di mana ia didorong oleh naluri dalam menyukai sesuatu. Sifat ini sebenarnya sudah sebatih dalam diri seseorang tanpa mengira masa di mana ia merujuk kepada kepuasan dan rasa seronok seseorang sama ada kerana pengembangan ilmu pengetahuan yang baik, pencapaian diri yang baik atau memperolehi pengalaman yang menggembirakan dan memberi kepuasan. Manakala bersandar kepada situasi pula merupakan sifat atau tingkah laku yang di dorong oleh persekitaran sekeliling.

Murid yang berminat terhadap pembelajaran dan pengajaran guru, mereka akan fokus dan memberi tumpuan sepenuhnya ketika sesi PdP di dalam kelas walaupun guru tidak memberi dorongan kepada mereka untuk kekal fokus. Minat yang mendalam dalam sesuatu pembelajaran boleh membuatkan seseorang murid terus kekal memberi perhatian walaupun berhadapan dengan situasi sukar seperti gangguan daripada rakan sebaya, cara penyampaian guru yang kurang menarik, tiada kemudahan pembelajaran dan sebagainya. Tetapi guru juga haruslah memainkan peranan untuk mempengaruhi minat murid di mana perlu sentiasa mengaitkan nilai dengan masalah yang dibincangkan supaya murid yang mempelajari sesuatu mata pelajaran tersebut mempunyai rasa minat. (Christina et.al, 2019).


Peranan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Tugas guru adalah sangat penting untuk memotivasikan pelajar (Wibowo & Farnisa, 2018). Untuk melaksanakan aktiviti tersebut, guru hendaklah memahami penggunaan murid dengan baik dan memberikan pengalaman pembelajaran pada peringkat umur yang sama dengan murid (Prasojo, 2016). Melalui pemahaman yang baik tentang murid, guru boleh menggalakkan murid mencari sesuatu yang menarik, bernilai dan motivasi intrinsik, mencabar, dan berguna untuk murid. Lebih baik guru memahami keperluan dan minat murid, lebih mudah untuk mereka memotivasikan pelajar (Mustofa, 2021). Peranan guru sebagai motivator ialah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Motivasi adalah salah satu aspek

penting untuk bergerak ke hadapan (Mustofa, 2021). Guru boleh memotivasikan pelajar supaya bersemangat, fokus, dan aktif dalam mengikuti pelajaran (Lesmana, 2020). Guru boleh memberi ganjaran kepada mereka yang dapat menjawab soalan yang diberikan. Ganjaran ini tidak semestinya dalam bentuk barang seperti pensel atau pen tetapi boleh juga dalam ucapan (Astuti, 2019). Dengan ganjaran ini, pelajar lain akan bermotivasi untuk belajar. Beberapa dapatan menyatakan bahawa peranan guru dalam pembelajaran adalah sangat penting (Ramadhon, 2017). Guru merupakan motivator dan fasilitator dalam proses pembelajaran (Tasaik & Tuasikal, 2018). Guru membimbing belajar bebas (Inah, 2017). Guru amat penting dalam membina motivasi murid terutamanya motivasi dalam aktiviti pembelajaran (Dini, 2022).

Teori dan Model Berkaitan

1. Teori konstruktivisme (Vgostsky,1896-1934)




Rajah 2 Teori Konstruktivisme Vygotsky

Antara teori yang digunakan sebagai sumber dalam kajian ini ialah di Teori Konstruktivisme Vygotsky (Vygotsky, 1896-1934), yang menjelaskan bagaimana gaya pembelajaran yang mampu mendorong murid belajar. Teori ini adalah salah satu daripada Teori Pemerolehan Pembelajaran ialah di mana pelajar sebagai pembina pengetahuan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada sebelum ini tetapi bukanlah menerima pengetahuan bulat-bulat daripada guru. Teori ini adalah gabungan teori konstruktivisme vygotsky (zon perkembangan prokmsial-ZPD) dengan penggunaan tiga model gaya pembelajaran iaitu model gaya visual, auditori dan kinestetik (VAK). Jika dilihat dalam model VAK, ia menunjukkan setiap murid mempunyai tiga jenis gaya pembelajaran berbeza iaitu gaya pembelajaran visual, auditori dan kinestetik namun setiap orang akan memilih salah satu gaya tersebut yang paling menonjol dalam dirinya. Proses pembelajaran biasanya adalah melalui penyampaian formal dan bekerjasama dengan murid lain yang lebih mahir. Motivasi murid untuk belajar adalah dipengaruhi oleh pengalaman yang berjaya dan keyakinan diri yang tinggi dalam diri murid tersebut. Prinsip teori konstruktivisme ini adalah melalui pembelajaran guru berpusatkan murid manakala guru akan menjadi fasilitator atau pembimbing. Kemudian, pengetahuan akan dibina melalui teknik *scaffolding*, di mana akan berlaku pembelajaran melalui proses interaksi sosial bersama murid-murid yang lain di sekitarnya. Implikasi teori ini adalah di mana guru merancang pengajaran dan pembelajaran

dengan terbaik serta menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang boleh menarik minat murid, selaras dengan pemikiran dan laras bahasa mereka.

2. Model Bersepadu Penerapan Abad ke-21 (Rohani, 2017)



Rajah 3 Teori Model Bersepadu Abad ke-21

Berdasarkan Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 guru perlu mengintegrasikan tiga kaedah pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pembelajaran koperatif, bilik darjah demokratik dan motivasi, bersandarkan kearifan yang guru miliki. Unit terkecil dalam model ini ialah pembelajaran koperatif di mana merupakan kaedah paling asas yang dilihat boleh menerapkan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid dengan positif. Aktiviti yang menggalakkan hubungan saling gantung yang positif, akauntabiliti individu, interaksi bersemuka, kemahiran sosial dan interpersonal serta pemprosesan kumpulan akan memberi peluang murid mengasah kemahiran mereka dengan saling menyokong untuk mencapai matlamat yang sama. Di samping itu murid juga dididik untuk menerima dan menghormati perbezaan antara ahli dalam kumpulan. Pembelajaran koperatif akan menjadi lebih berjaya apabila guru turut mengamalkan ciri bilik darjah demokratik yang menekankan konsep kesamaan peluang, kebebasan bersuara serta perkongsian kuasa antara guru dan murid. Guru yang mengamalkan ciri bilik darjah demokratik telah mengiktiraf kemampuan pelajar membina pengetahuan mereka dan menerima mereka sebagai sebahagian sumber pembelajaran seperti yang diperjuangkan dalam teori pembelajaran konstruktivisme. Motivasi murid juga boleh ditingkatkan apabila guru berjaya menonjolkan bahan pengajaran yang menarik serta mencabar pelajar. Guru yang mampu menyesuaikan bahan pengajarannya dengan kehidupan sebenar murid akan merangsang penglibatan murid kerana ia memberi makna kepada kehidupan mereka. Guru juga perlu memberi sokongan efektif kepada murid menerusi wacana motivasi menyokong yang boleh mengurangkan kebimbangan murid apabila berhadapan dengan kekecewaan atau kurang yakin semasa melakukan aktiviti PdP yang dirancang. Wacana guru yang menggambarkan kepercayaan mereka terhadap kebolehan murid khususnya di saat murid kurang yakin atau mengalami kegagalan memberikan motivasi yang besar kepada murid untuk terus mencuba. Ketiga-tiga aspek yang dinyatakan dalam

model ini merupakan aspek utama dalam amalan pedagogi yang diperhatikan melalui kajian yang telah dijalankan terhadap guru-guru yang mempraktikkan pengajaran berpusatkan murid.


3. Model Standard Guru Malaysia 2.0 (KPM, 2020)



Rajah 3 Model Standard Guru Malaysia 2.0, KPM 2020

Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0 (Standard Guru Malaysia) ialah dokumen rujukan berkaitan kompetensi yang perlu dicapai dan etika yang perlu disemai, diamalkan dan ditunjukkan oleh guru-guru di Malaysia. SGM 2.0 berbeza daripada SGM1.0 dari segi komponen di mana SGM 2.0 terdiri daripada dua komponen iaitu dimensi kompetensi dan etika keguruan. Dimensi kompetensi menjelaskan kompetensi yang diperlukan oleh guru mempunyai pelbagai peringkat pembangunan profesional untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran proses dengan lebih berkesan. Manakala etika latihan perguruan juga merupakan prinsip moral dan nilai moral yang wajar dikendalikan dan diamalkan oleh guru-guru di Malaysia bagi memastikan profesion perguruan sebagai kerjaya profesional dan dipandang mulia oleh masyarakat.

Rajah 4 Kerangka konsep teori konstruktivisme (Vgostsky,1896-1934), Model Bersepadu Penerapan Abad ke-21 (Rohani 2017) & Model Standard Guru Malaysia 2.0 (KPM 2020)



Menurut Shabnum, (2014) menyatakan bahawa kerangka konsep dibentuk bagi membantu pengkaji dalam membangunkan projek supaya ianya tidak tersasar daripada objektif. Selain itu, Shabnum. (2014) dalam penulisan kajiannya menyatakan bahawa elemen-elemen yang perlu ada dalam kerangka konsep merupakan pemboleh ubah yang terlibat serta corak interaksi antara pemboleh ubah tersebut. Tujuan kerangka konseptual kajian ini adalah untuk menerangkan dalam bentuk grafik mengenai kajian peranan guru melalui kemahiran abad ke 21 untuk menerapkan minat murid terhadap mata pelajaran Pertanian di sekolah menengah. Tajuk kajian yang dicadangkan ialah peranan guru dalam menerapkan minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah. Pemilihan tajuk kajian ini dibuat berdasarkan tujuan utama kajian iaitu untuk mengkaji bagaimana peranan guru yang berkesan dapat menarik minat murid terhadap mata pelajaran Pertanian di sekolah menengah. Antara teori yang digunakan dalam kajian ini ialah konstruktivisme Vgostsky (1896 – 1934) dan model yang digunakan dalam kajian ini ialah Model Bersepadu Penerapan Abad ke 21 (Rohani, 2017) dan Model Standard Guru Malaysia 2.0 (KPM 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temubual dalam mendapatkan hasil kajian bagi menjawab persoalan kajian dalam kajian ini. Populasi kajian ini terdiri daripada guru beberapa sekolah menengah yang mempunyai subjek Pertanian dan pensyarah pendidikan bidang Pertanian di sebuah universiti. Jumlah responden bagi kajian ini adalah seramai 6 orang guru yang mengajar subjek Pertanian dan seramai 6 orang pensyarah pendidikan bidang Pertanian. Namun bagi kajian sebenar, 3 orang guru yang mengajar subjek Pertanian diambil sebagai sampel dan 3 orang pensyarah bidang Pertanian telah memberikan maklumat tentang faktor yang mempengaruhi minat murid dan peranan guru yang berkesan dalam memupuk minat murid. Justifikasi pengkaji mengambil sampel bertujuan untuk mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki melalui kesesuaian ciri-ciri atau kriteria yang perlu ada pada sampel, sebelum mereka dipilih sebagai responden di mana responden yang dipilih ialah guru yang pernah berpengalaman mengajar subjek Pertanian lebih daripada 4 tahun sahaja yang dijadikan sebagai sampel.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengkaji memulakan proses pengumpulan data bagi kajian kes ini setelah mendapatkan kesahan daripada pakar penilai, pensyarah penyelia dan guru yang terlibat sebagai peserta kajian. Proses pengumpulan data ini melibatkan sesi temubual bersama informan yang dipilih iaitu 3 orang guru subjek Pertanian dan 3 orang pensyarah pendidikan bidang Pertanian secara bersemuka. Pengkaji akan berbincang dengan peserta kajian untuk menetapkan tarikh bagi menjalankan sesi temubual. Pengkaji telah menerangkan tentang proses pelaksanaan sesi temu bual kepada guru yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini adalah bertujuan untuk memastikan peserta kajian dapat memahami tentang perkara yang bakal dilakukan sepanjang kajian tersebut berlangsung. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah meminta peserta kajian untuk mengisi borang pemberitahuan dan persetujuan temubual sebagai bukti bersetuju

untuk menjadi peserta kajian dalam kajian yang dijalankan Semasa kajian dijalankan, pengkaji telah melaksanakan sesi temubual separa berstruktur bersama informan. Sesi temubual separa bersruktur yang secara bersemuka. Pengkaji telah mengajukan beberapa soalan terbuka kepada informan berkaitan perkara yang ingin dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini. Hal ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada informan untuk menghuraikan jawapan yang bersesuaian dengan soalan yang ditanya. Rakaman suara dan video turut digunakan dalam sesi temubual ini untuk merakam keseluruhan sesi temubual bersama informan. Fungsi penggunaan rakaman video dan suara dalam sesi temu bual adalah untuk membantu pengkaji menyediakan transkrip temubual dan mengeluarkan tema-tema penting berdasarkan soalan yang diajukan kepada para informan berkaitan kajian ini..

Analisis Data

Analisis data adalah satu keupayaan untuk mencari dan menyusun catatan hasil pemerhatian, temu bual dan lain-lain secara sistematik bagi meningkatkan pemahaman pengkaji tentang perkara yang dikaji dan menjadikannya sebagai rujukan kepada pengkaji yang lain Creswell & Poth, (2018). Data yang telah dikumpulkan dalam kajian ini telah dianalisis secara terperinci oleh pengkaji. Melalui penganalisan data ini, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam tentang perkara yang sedang dikaji. Kajian ini menggunakan kaedah penganalisan data secara manual. Hal ini dikatakan demikian kerana data yang diperoleh daripada sesi temubual telah diuruskan sendiri oleh pengkaji.

Analisis Temu bual

Data kualitatif dikumpulkan melalui temubual bersama peserta kajian. Pengkaji merujuk dan telah mengubahsuai lima proses penganalisan data temubual yang telah dibina oleh (Silverman, 2013). Pengkaji membuat transkripsi rakaman suara terlebih dahulu sebelum memperincikannya ke dalam bentuk naratif. Pengkaji membuat transkrip tersebut dengan menaip semula rakaman temubual ke dalam bentuk verbatim iaitu kandungan rakaman ditulis secara kata demi kata mengikut apa yang telah dituturkan untuk mengeluarkan tema. Setelah transkrip tersebut selesai ditulis, pengkaji menyerahkannya kepada informan untuk mendapatkan kesalahan maklumat berkaitan maklumat yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan. Pengkaji membetulkan semula penulisan transkrip tersebut jika terdapat kesalahan maklumat yang telah ditafsirkan daripada temubual yang telah dijalankan. Setelah membuat semakan semula dengan informan, pengkaji membaca, memahami serta menanda perkara yang mempunyai kaitan dengan persoalan kajian dalam transkrip tersebut. Proses *coding* dilaksanakan dengan cara pengkaji menulis kod pada bahagian yang telah ditanda dengan menggunakan huruf atau abjad. Seterusnya, pengkaji membuat tapisan dan interpretasi data di mana penyusunan data dilakukan dengan memilih data yang bermakna dan lebih berfokus kepada objektif dan persoalan kajian. Pengkaji turut merujuk kembali semua sumber pengumpulan data bagi memastikan data yang diperoleh selari dengan maklumat yang diperoleh daripada sumber yang ada. Akhir sekali, pengkaji menulis laporan dan membuat kesimpulan berdasarkan data yang telah diterjemahkan daripada hasil temubual

Proses Analisis Temubual

Jadual 1 Proses analisis temubual

Peringkat	Proses	Penerangan
Peringkat 1	Transkripsi data rakaman	-Mendengar semula rakaman audio temubual. -Menaip hasil temubual dalam bentuk dialog bagi menghasilkan kandungan temubual -Semakan transkrip temubual oleh guru untuk mengesahkan kandungan temubual
Peringkat 2	Membina tema dan subtema	-Membaca dan memahami transkrip yang dibuat -Mengumpulkan data bermakna dan menyingkirkan data yang tidak berkaitan -Menandakan perkara yang mempunyai kaitan dengan persoalan kajian -Menyenaraikan kategori menggunakan kaedah huruf atau abjad
Peringkat 3	Proses <i>coding</i>	-Transkrip temubual dibaca dan difahamkan bagi tujuan pengekodan

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian temu bual yang dilakukan ke atas enam (6) orang informan yang terdiri daripada tiga (3) orang guru pertanian sekolah menengah yang berbeza negeri dan tiga (3) orang pensyarah Jabatan Sains Pertanian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, tema dan subtema yang dihasilkan adalah seperti berikut berdasarkan dapatan persoalan kajian:

Jadual 2: Dapatan Persoalan Kajian 1. Apakah faktor yang mempengaruhi tahap minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah?

Bil	Tema	Subtema
1.	Faktor dalaman	1. Pengaruh Sosioekonomi 2. Faktor peribadi murid 3. Persepsi negatif murid terhadap bidang Pertanian
		Lingkungan

- | | |
|------------------|--|
| 2. Faktor luaran | 1. Pengaruh guru
2. Penerapan kemahiran PdP abad ke 21 subjek Pertanian
3. Perubahan Teknologi |
|------------------|--|
-

Tema 1: Faktor dalaman

Dapatan ini berdasarkan maklum balas daripada 3 orang guru yang mempunyai pendapat yang hampir sama. Sebahagian daripada contoh kenyataan mereka adalah seperti berikut :

“Untuk sekolah saya, murid yang amik Pertanian depa sangat minatlah. Depa ni kebanyakan orang kampung, so bila orang kampung, depa mai sekolah depa nak, tak mau sepenuhnya berada dalam kelas. Kan subjek-subjek lain belajar dalam kelas. Macam Pertanian ni banyak belajar di luar kelas.”-GP1

“Ya, depa memang minatlah sebab depa memang daripada orang kampung kan” -GP1

“Ketika ini minat pelajar terhadap mata pelajaran Pertanian sangat baik atas sebab-sebab berikut seperti latar belakang pelajar yang terlibat dengan aktiviti pertanian” – GP3

“Tapi kalau daripada segi minat ah, minat sedia ada ah maksudnya, minat sedia ada sebelum ambik Pertanian ni, kebanyakannya di sekolah cikgu ni ikutkan sederhana ah minat dia, kurang berminat ah. Mungkin atas faktor geografi tempat tu. Macam kita di sekolah cikgu di Marang di SMK Tengku Lela Segara ni, dia dekat dengan pantai mungkin pekerjaan ayah dia ni dekat dengan pantai dengan laut jadi dia lebih minat kepada tu berbanding dengan pelajar yang memang duduk di kawasan Pertanian dia dah ada minat sedia ada tu. Tu sebelum dia ambik subjek Pertanian ah.” -GP2

Tema 2: Faktor Luaran

Dapatan ini dipersetujui oleh 3 orang informan pensyarah bidang Pertanian dan seorang informan guru Pertanian tentang faktor luaran daripada pengaruh guru yang dapat mempengaruhi minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah. Antara contoh jawapan informan adalah seperti berikut :

“Kerana guru, dia ni adalah seorang..roleplayer tau, dia menjadi satu ermmm.. model.. atau satu yang diidolakan oleh murid-murid kebiasaanya. Jadi kalau guru-guru ni, dia play ermm.. very ..kalau dia betul betul in character to ermm..mengajak ataupun menarik pelajar ke arah bidang pertanian, ermm saya rasa InshaAllah murid-murid pun akan terpengaruhlah kita katakan ke arah pertanian ni.” -PP1

“Pada saya, pelajar tu boleh dibantu untuk dia bertambah minat dengan bantuan guru jugak dan dalam masa yang sama, ermm.. konsep sains.. konsep kursus pertanian itu sendiri memang dah sebenar dah ada that part untuk meningkat minat dia tu melalui yang praktikal banyak dan sebagainya. Tapi tu lah, bantuan daripada cikgu tu untuk bagi dia lebih berminat kepada subjek Pertanian.”- PP2

“usaha bersungguh- sungguh daripada cikgu dengan memberi motivasi kepada murid, InsyaAllah murid akan terus berminat dengan subjek Pertanian.”- PP3

“Bila murid jadikan guru sebagai ikon dia akan lebih tertarik kepada subjek yang diajar.”GP1

Jadual 3: Dapatan Persoalan Kajian 2. Peranan guru yang berkesan dalam memupuk minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah.

Bil	Tema	Subtema
1.	Mewujudkan pendekatan yang baik dengan murid	1. Membina hubungan yang baik dengan murid 2. Empati 3. Bersifat terbuka
2.	Menguasai Kompetensi Profesionalisme Guru	1. Mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang Pertanian 2. Bijak mempelbagaikan gaya pembelajaran 3. Mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah.
3.	Mempunyai Roh Keguruan	1. Mempunyai kesungguhan dan minat
4.	Memiliki Nilai dan Etika Guru	1. Mempamerkan imej seorang guru 2. Memahami tanggungjawab guru
5.	Mahir menggunakan kaedah PdP Abad ke -21 di dalam kelas	1. Mempelbagaikan aktiviti 2. Melaksanakan aktiviti berkumpulan 3. Melatih murid menjadi guru muda
6.	Memberi pendedahan kepada murid dengan sektor pertanian komersial sebenar	1. Lawatan

Tema 1: Mewujudkan pendekatan yang baik dengan murid

Seramai 2 orang informan guru Pertanian berkongsi bahawa guru mewujudkan pendekatan yang baik dengan murid dapat menarik minat murid terhadap subjek Pertanian.

“Walaupun saya seorang ketua guru disiplin, tapi di dalam kelas saya berbeza sebab nak tarik minat murid. Jadi saya bukan garang seperti guru disiplin di luar kelas. Haaa tu beza dia. Saya boleh berlawak dengan murid di dalam kelas saya, saya boleh serapat baik tapi kena ada jurang lah murid dengan guru. Begitu jugak bila luar sekolah pulak, saya boleh jadi kawan dengan murid. Saya boleh melawak, dia bahan saya dan saya bahan dia. Tu berbeza, tapi masih kena ada gap antara murid dengan guru. Sebab apa? sebab kalau kita nak murid minat dengan subjek yang diajar, dia kena suka kita dulu arr. Sebab ada setengah guru, di dalam kelas garang, di luar kelas garang jadi bila cikgu tu macam tu murid jadi takut. Bila dalam kelas cikgu murid jadi takut dan tak seronok dan tak selesalah dengan kita. Bila ditanya soalan murid diam dan takdak responlah, murid pun tak berani nak tanya soalan. Seterusnya murid jadi tak suka langsung dengan subjek yang diajar oleh guru tersebut. Inilah yang menjadikan apabila murid nak exam, murid tak dapat apa.” -GP1

“Macam cikgu kabo tadi kena buat dia jadi kawan tapi ada had dia. Jadi bila budak mari, budak seronok kepada kita. Biar budak tu tertunggu-tunggu kita arr. Jadi biar budak minat dengan kita, bila kita terangkan dia akan memberi perhatian. So, dia kan suka ah dengan subjek tu. Kalau sebelum ni dia tak suka pun tapi bila dia respect kita dia akan lebih rasa nak belajar. Dia akan mari sendiri minat tu.” -GP2

Tema 2: Menguasai Kompetensi dan Profesionalisme Guru

Apabila ditanya berkaitan peranan kompetensi dan profesionalisme guru dalam menarik minat murid, seramai 2 orang pensyarah Pertanian dan 1 orang guru Pertanian menyatakan pendapat mereka seperti berikut :

“So, sebagai seorang guru perlu mempunyai kompetensi yang tinggilah. So, kita kata kompetensi teknologi, pedagogi, content, knowledge dan nilai profesional. So, kalau kita tengok kombinasi paling penting sebagai seorang guru dia mesti mempunyai roh keguruan yang pertama. Kemudian barulah disokong oleh teknologi, pedagogi, content dan knowledge.”- PP3

“Guru memang kena ada kompetensi lah. Bila kita faham betul-betul apa yang kita nak ajar, dia lebih mudah. So, guru dia perlu menguasai jugaklah apa benda yang dia perlu ajar tu, mungkin orang cakap cikgu ni dah pandai semua benda, dah pandai subjek. Contoh eh, saya orang pertanian, of course semua

benda saya dah pandai, tapi tak semestinya. Ada certain thing. Contoh, propagation, saya tak.. tak berapa minat. So kita.. bila kita tak minat kita tak explore tempat tu dengan lebih detail. So pada saya, kalau betul-betul nak ada that kompetensi eh, kompetensi tu dia kena betul-betul master at least the basic thing lah di belakang setiap cerita, tajuk, subtopik itulah. Supaya nak keluarkan tu, dia banyak idea tau. Ni kalau guru sendiri tak menguasai, tak faham, macam mana nak terangkan kat murid. Murid jadi tak berminat nak belajar sebab dia tengok guru sendiri tak faham untuk ajar.” -PP2

“Ya, saya rasa kompetensi guru ni sangat mempengaruhi minatlah, err sebagai contoh errrrr kalau kita apa errr orang panggil errr kalau kita takdak kebolehan jadi seorang guru ni kan dia ada beza orang ni boleh jadi seorang guru atau tidak. Kalau kita takdak kebolehan atau kemahiran menjadi seorang guru kita takkan mampu mengajar dengan baik sebab tak menguasai kompetensi seorang guru seperti kurang ilmu iaitu takdak ilmu yang mendalam, tapi setakat menguasai ilmu dalam buku teks. Bila kita hanya mengajar dan hanya menceritakan tentang dalam buku teks sahaja, murid mulalah bosan dan tak berminat.”-GP1

Tema 3: Mempunyai Roh Keguruan

Informan PP3 dan PP1 menyatakan bahawa guru yang mempunyai roh keguruan adalah penting dalam memupuk minat murid terhadap subjek Pertanian.

“Dan bila guru ada roh keguruan, murid yang tak minat dalam bidang Pertanian dia akan berusaha macam mana sekalipun untuk memastikan murid-murid ini nampak dengan jelas tentang hala tuju dan masa depan dalam bidang Pertanian sebab kadang murid ni, mereka tak jelas kenapa mereka belajar subjek- subjek tersebut, mereka dipaksa ambil subjek tersebut. Jadi minat tu hilang, err tambah pulak guru tu takde nak rasa nak memupuk minat murid sebab cikgu sendiri yang tak semangat, yang akhirnya subjek Pertanian ni menjadi satu subjek yang tak menarik. Jadi kompetensi yang guru perlu ada, kaedah mengajar tu lah iaitu teknologi, pedagogi, content dan knowledge untuk memastikan pangajaran lebih menarik namun pada asalnya berbalik pada roh keguruan.”-PP3

”Ya.. seorang guru mesti ada jiwa seorang guru.. Kerana ini akan mewujudkan kesungguhan guru dalam mengajar.. Maksudnya dia sekali pun ada into the scene lah.. macam tu haaa”- PP1

Tema 4: Memiliki Nilai dan Etika Seorang Guru

Seorang informan guru Pertanian menekankan bahawa nilai dan etika seorang guru juga merupakan peranan utama dalam memupuk minat murid.

“Kita guru kena ada penampilan diri kita sendiri. Kualiti peribadi ah ataupun penampilan guru. Jadi gitu ah bila kita mahir benda tu, kalau kita ikut Standard Guru Malaysia ni dia tak akan lari ah dari PAK-21. Jadi gitu ah, dia lebih kurang dan saling berkait. Jadi memang kalau kita ikut SGM memang kita kan dapat memenuhi ah yang PAK-21 tu jadi memang dia menarik minat murid dari segi belajar dan dia memahami ah.”- GP2

“Okay, peranan yang paling penting ah . Okay yang pertama peranan kita sebagai guru supaya budak minat ni, biar budak seronok dengan kita. Dari segi peribadi kita, penampilan kita jadi budak seronok.” GP2

“Kalau guru betul- betul paham tanggungjawab guru tu, sudah semestinya dia akan berusaha nak pupuk minat murid dan nok bagi murid paham setiap apa yang diajor. Sebab dia paham kan tugas guru adalah memberi kefahaman kepada murid. Bila kata guru ni paham, jadi macam mana pun guru tu akan cari cara nak paham kan murid dan bagi murid minat dengan pembelajaran. Jadi dari sini kita nampak doh memang akan memupuk minat murid nanti kalau guru tu paham tanggungjawab. Jadi gitu ahh.” GP2

Tema 5: Mahir Menggunakan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke -21 di dalam Kelas

Ketiga- tiga informan guru Pertanian berkongsi tentang PDP abad ke-21 yang digunakan oleh mereka dalam usaha menarik minat murid terhadap subjek Pertanian yang diajar.

“Bagi sayalah, kalau ikut zaman pembelajaran abad ke-21 sekarang, penggunaan aktiviti abad ke-21 yang pelbagai sangat pentinglah. Sebab pelajar sekarang ni memang nak kaedah pembelajaran yang boleh menarik perhatian mereka bukan kata chalk and talk saja. Jadi nak tak nak guru kena gunalah kaedah PDP abad ke-21 ni dalam kelas. Macam saya sendiri pun, saya memang gunakan aktiviti- kativiti abad ke-21 yang pelbagai dalam kelas saya mengikut kesesuaian tajuk dalam buku teks Pertanian lah. Sebagai contoh Gallery Walk untuk kaedah memperbaiki kesuburan tanah, Peta I-Think untuk dalam menulis nota padat, Match Mine untuk Struktur daun, Same different untuk sistem penternakan poltri, Mix and Match untuk Fisiologi tumbuhan dan lain- lain lagilah. Setakat saya melaksanakan aktiviti- aktiviti di dalam kelas, pelajar sangat seronok, mudah faham dan lebih berminat dengan pengajaran dalam kelas.” -GP3

“Arr biasa cikgu lebih suka buat dalam teamwork ah. Sebab biasa kalau cikgu guna PAK-21 dalam kelas, cikgu memang lebih suka kepada aktiviti berkumpulan. Sebab cikgu nampak pelajar ni pun lebih seronok dengan aktiviti berkumpulan Mungkin lah sebab dia boleh bekerjasama dengan kawan-kawan dalam kumpulan dia. Kalau aktiviti berkumpulan macam cikgu kabo ah tadi hok cikgu sokmo buat Round Robin dengan Round Table tu sebab dia lebih kepada perbincangan dalam kumpulan.” -GP2

“Okay ada masa saya akan guna PDP abad ke-21 dimana saya akan pilih salah seorang yang random dalam kelas saya okayy. Saya akan namakan dia sebagai guru muda . Guru muda ni saya errrrr masterkan dia, saya tahu dia boleh faham, boleh faham isi kandungan. Saya masterkan dia, macam ni saya bagi dan tajuk okay bulan ni kitakan habiska bab ni, kamu balik, kamu baca, kamu study semua bab ni. Lepastu dia akan datang kepada saya dulu, pastu dia akan mengajar saya dulu. Saya kata okay, go. Pastu dia masuk kelas, dia akan berceritalah, dia akan cerita pastu kawan akan soal jawab lah. Itu kita panggil guru mudalah. Jadi saya akan duduk di belakang dan jika murid tersasar iaitu habis pembentangan guru muda ini, saya akan ambil kelas itu semula dan saya akan kembali kepada kaedah yang lama iaitu kaedah chalk and talk dimana kalau tersasar saya akan patah balik, bagitau macam ni. Pastu kalau yang ada kurang saya tambah balik. Tapi setakat saya buat aktiviti ni, apa yang saya lihat murid lebih faham content yang dia belajar. Malah ada murid yang volunteer nak jadi guru muda pada masa tu. Jadi nampaklah kat sini murid menunjukkan minat.”-GP1

Tema 6: Memberi Pendedahan Kepada Murid Dengan Sektor Pertanian Komersial Sebenar

GP2 dan PP3 memberi cadangan bahawa dengan cara memberi pendedahan kepada murid dengan sektor pertanian sebenar dapat menarik lagi minat murid terhadap subjek Pertanian.

“Cadangannya kita kena bawak pelajar tu melawat tempat. Contohnya kalau pertanian dop. Pertanian yang berasaskan NFT, fertigasi. Err kita bawak dia ke tempat Pertanian yang besar yang komersial supaya budak tu nampak pertanian adalah satu perniagaan. Masa lawatan tu biar budak boleh tanya sendiri kejayaan orang berjaya dalam bidang Pertanian tu. Melalui ni secara tak langsung kita boleh pupuk pelajar kita jadi usahawan. Maknanya bukan kena kerja makan gaji je. Jadi bila kita belajar Pertanian, jadi jangan bagi orang tengok Pertanian tu nampak lekeh ah. Sebab apa, orang Pertanian ni pegang cangkul, main selut, main kotor. Sekarang ni kalau tengok Pertanian ni dia lebih kepada keterjaminan makanan sebenarnya. Arrr maknanya kita kena didik pelajar arr jadi petani buka petani kampung tapi kena jadi petani yang

boleh dikomersialkan. Jadi nak guide dia dengan pertanian boleh jadi usahawan dan founder jugak. Macam cipta baja, cipta teknologi kita sendiri, cipta sistem penanaman kita sendiri. Jadi melalui pendedahan yang kita bawak tu dia akan lebih minat ah.” -GP2

“Antara contoh lain, yang kita boleh buat dengan membawa murid- murid ke lawatan projek pertanian, kawasan pertanian komersial dan kawasan pertanian yang berteknologi tinggi, So, dari situlah kita nak nampakkan teknologi pertanian terkini membantu aktiviti pertanian di Malaysia untuk menjadikan pertanian di Malaysia kini lebih berdaya maju dan berdaya saing dalam penggunaan teknologi. Jadi sudah pasti murid akan lebih berminat terhadap pertanian apabila dia melihat pertanian yang sebenar depan mata dia.”-PP3

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang faktor-faktor yang mempengaruhi tahap minat murid terhadap subjek Pertanian di sekolah menengah dan peranan guru dalam memupuk minat terhadap bidang ini. Pentingnya peranan guru membawa persekitaran pembelajaran menarik yang merangsang dan menyokong turut ditekankan, di mana guru berperanan sebagai pendorong dan penyokong dalam memberi pengalaman praktikal yang berkualiti kepada murid. Malah, guru juga perlu menunjukkan nilai dan etika keguruan yang baik untuk menarik minat murid. Dalam konteks ini, rumusan kajian menyimpulkan bahawa perubahan positif dalam minat murid terhadap subjek Pertanian dapat dicapai melalui peningkatan kemahiran guru dan penekanan terhadap aspek-aspek yang merangsang minat murid dalam pembelajaran subjek ini. Implikasi daripada kajian ini adalah pentingnya strategi pendidikan yang holistik dan sokongan kepada guru dalam menyemai minat murid melalui pelbagai pendekatan pengajaran yang inovatif dan relevan dengan perkembangan semasa. Kesimpulannya, rumusan ini merangkumi pemahaman mendalam terhadap bagaimana peranan guru mempengaruhi minat murid terhadap Pertanian di sekolah menengah dan memberikan landasan untuk pembinaan kajian lanjutan dalam bidang ini.

RUJUKAN

- Alhaadi Ismail, Norimah Zakaria. (2019). Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid di SJKC Chong Hwa Teluk Kemang. *International Journal Of The Malay World and Civilisation* 7 (3), 23-30
- Chong, E. K. M. (2012). Using Blogging to Enhance The Initiation Of Students Into Academic Research. *Computer & Education*, 55, 798-807.
- Creswell, J.W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications Inc.
- Dini, J. P. A. U. (2022). Optimalisasi Peran Guru dan Orang Tua dalam Pembelajaran Online pada Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*, 6(4), 3242–3252. <https://doi.org/10.31004/obsesi.v6i4.2327>

file:///C:/Users/nazri/Downloads/12007262.pdf

- Hussain, M. A., Yasir, A. S., Kamaruzaman, M. Y., Raji, M. N., Basri, A. Q., Hanapi, Z., & Hussain, M. A., Yunus, M. Y., Ismail, N. A., Ariffin, N. F., & Hamdan, H. (2022). Exploring Hussain, M. A., Yunus, M. Y., Ismail, N. A., Ariffin, N. F., Ismail, S., & Qianda, Z. (2022). Inah, E. N., Ghazali, M., & Santoso, E. (2017). Hubungan Belajar Mandiri dengan Prestasi Belajar PAI di MTsN 1 Konawe Selatan. *AL-TA'DIB: Jurnal Kajian Ilmu Kependidikan*, 10(2), 19–36. <https://doi.org/10.31332/atdb.v10i2.622>.
- Investigating the Challenges Faced in Designing Cultural Landscape at Pantai Lido Urban Waterfront, Johor Bahru, Malaysia. *GeoJournal of Tourism and Geosites*, 41(2), 376–386. doi:10.30892/gtg.41206-840
- Kementerian Pendidikan Malaysia. *Standard Guru Malaysia* (SGM) 2.0. (2020).
- Köpsén, S. (2014). How vocational teachers describe their vocational teacher identity. *Journal of Vocational Education & Training*, 66:2,194-211.
- Lesmana. (2020) Analysis of Factors Affecting the Performance of Lecturers in Conducting Research: A Case Study on Private Universities in Medan. *Asia Pacific Journal of Management and Education*. 3 (2), 33-44
- Mustofa, Syaiful (2011) *Strategi pembelajaran bahasa Arab inovatif*. UIN-Maliki Press, Malang. ISBN 978-602-958-366-3
- Nurzarina Amran, & Roslinda Rosli. (2015). Kefahaman Guru Tentang Kemahiran Abad ke-21. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 21, 1–5.
- Prasojo, R. J. (2016). Pengaruh perhatian orang tua dan kedisiplinan siswa terhadap prestasi belajar mata pelajaran IPS. *Jurnal Penelitian Dan Pendidikan IPS*, 9(2), 1131–1149. <https://media.neliti.com/media/publications/37082-IDpengaruh-perhatian-orang-tua-dan-kedisiplinan-belajar-terhadap-prestasibelajar.pdf>
- Ramadhon, R., Jaenudin, R., & Fatimah, S. (2017). Pengaruh Beasiswa Terhadap Motivasi Belajar Mahasiswa Pendidikan Ekonomi Universitas Sriwijaya. *Jurnal Profit*, 4(2), 203–213. <https://doi.org/10.36706/jp.v4i2.5598>
- Razzaq A R A, Rodzi N I, Hashim J. Mustafa M Z. (2009). Pengaruh subjek pertanian dalam membina minat pelajar terhadap kerjaya dalam bidang pertanian: Kajian kes di Sekolah Menengah Teknik. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional Kali Ke-3 2009, Johor Bahru, Malaysia.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* (42)1, 1-11 <http://journalarticle.ukm.my/11046/>
- Shabnum Iftikhar. (2014). The importance of metacognitive strategies to enhance reading comprehension skills of learners: A self-directed learning approach. *Journal of English Language and Literature* 2(3): 191-195.
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research: A practical handbook*. London: Sage.
- Tahim Bael, B., Nachiappan, S., & Pungut, M. (2021). Analisis Kesiapan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran, Pengajaran Dan Pemudahcaraan Abad Ke 21. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(1), 100–119. <https://doi.org/10.33306/mjssh/115>

- Tasaik, H. L., & Tuasikal, P. (2018). Peran Guru Dalam Meningkatkan Kemandirian Belajar Peserta Didik Kelas V Sd Inpres Samberpasi. *Metodik Didaktik*, 14(1), 45–55. <https://doi.org/10.17509/md.v14i1.11384>.
- the Challenges Facing in Sustaining the Malay Cultural Landscape Elements at Pantai Lido Waterfront. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(6), 727 – 740. doi:10.6007/IJARBSS/v12-i6/14027
- Wafi, A. A., Subri, U. S., Asshaari, I., Zulkifli, R. M., Mohamed, S., Hanapi, Z., & Che'Rus, R. (2023). Turning job seekers to job creators :Talent management module development for TVET graduates. *Journal of Technical Education and Training*, 15(1), 102-115.
- Yunos, M. Y. (2024). Impacts of Outdoor Landscape on Early Learning: Insights from the NCDRC Kindergarten at UPSI. *International Journal of Design & Nature and Ecodynamics*, 19(4), 1187-1194. doi:<https://doi.org/10.18280/ijдне.190409>